

27 NOV 1996

Asean-persediaan (dengan gambar)

JAKARTA BUAT PERSEDIAAN BAGI SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI ASEAN

JAKARTA, 27 Nov (Bernama) -- Presiden Suharto membuat satu lawatan singkat ke hotel Hilton Jakarta di sini tengahari tadi ketika berbagai persediaan sedang dibuat di situ bagi Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Sabtu ini.

Ketika suasana lobi hotel itu dipenuhi dengan bunyian 'gamelan', Suharto dibawa melihat persediaan-persediaan itu di sekitarnya. Beliau turut memberi beberapa cadangan mengenai persediaan itu.

Di luar hotel itu terdapat kira-kira 200 kereta yang diletak dalam barisan termasuk jenis Rolls Royce Bentley, yang akan digunakan semasa sidang kemuncak tidak rasmi itu.

Menurut seorang pegawai kementerian luar Indonesia, pemimpin-pemimpin Asean yang menghadiri sidang kemuncak itu akan memakai baju batik, dengan ihsan kerajaan Indonesia.

"Ini satu mesyuarat yang tidak rasmi," katanya, membayangkan suasana "selesa dan senang" di mesyuarat satu hari itu nanti.

Selain dari Suharto, ketua-ketua kerajaan dari negara-negara Asean yang lain akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Bagaimanapun, pegawai itu tidak dapat memastikan kehadiran Perdana Menteri Thai yang baru dipilih ke sidang kemuncak ini yang mungkin merupakan tugas rasmi luar negaranya yang pertama.

"Kami masih menunggu pengesahan dari pihak Thai," katanya.

Pemimpin-pemimpin negara Kemboja, Laos dan Myanmar, juga akan turut hadir untuk perbincangan dengan para pemimpin Asean.

Sidang kemuncak itu akan diadakan dalam dua sesi. setiap satu selama dua jam. Para pemimpin Asean akan bermesyuarat antara mereka di sebelah pagi sebelum mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua kerajaan Kemboja, Laos dan Myanmar di sebelah petang.

Perjumpaan itu diadakan kurang dari seminggu selepas pemimpin-pemimpin Asean itu, kecuali Vietnam, bertemu antara satu sama lain di mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Teluk Subic, Filipina. Hanoi dijangka menyertai APEC pada tahun 1998.

Semasa Indonesia menjadi tuan rumah mesyuarat Apec di Bogor dua tahun lepas, para pemimpin diberi baju batik yang direka khas oleh kerajaan Indonesia.

Para pegawai berkata mereka sedang membuat persediaan bagi memenuhi keperluan kira-kira 300 wartawan tempatan dan asing yang antara mereka telahpun tiba untuk membuat liputan mengenai sidang kemuncak tidak rasmi yang julung-julung kali diadakan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini Jumat ini.

Pegawai-pegawai Malaysia mengambil penting sidang kemuncak itu oleh kerana Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada perjumpaan tidak rasmi itu tahun depan. -- BERNAMA

Team WAT